



**JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA**  
[ *Department of Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS)* ]  
ARAS 4, MENARA 4G1, WISMA TANI  
NO . 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62624 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Telefon : 03-8000 8000 / 03-8870 1000

Faks : 03-8888 6904 / 03-8888 4855

Portal : [http :// www.maqis.gov.my](http://www.maqis.gov.my)

Ruj. Kami : KP/MAQIS/556 Jld.7(56)

Tarikh : 18 Disember 2018

## **SEPERTI SENARAI EDARAN**

Tuan/Puan,

### **PEMBERITAHUAN PELAKSANAAN SEKATAN EKSPORT BAGI SPESIS IKAN TERPILIH**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dilampirkan surat pemberitahuan daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), rujukan LKIM: L406/594/30 bertarikh 10 Disember 2018, berhubung perkara tersebut di atas yang dengan jelas menerangkan maksudnya untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(CHE AN BINTI MOHD JONED)**

Timbalan Ketua Pengarah

b.p. Ketua Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

✉ [chean@maqis.gov.my](mailto:chean@maqis.gov.my)

s.k. :

#### **Pengurus Projek**

Dagang Net Technologies Sdn. Bhd.

Tower 3, Avenue 5,

The Horizon Bangsar South

No. 8, Jalan Kerinchi,

59200 Kuala Lumpur

(u.p. : En. Amrun bin Awang)

✉ [amrun@dagangnet.com](mailto:amrun@dagangnet.com)

Mohon pihak tuan memuatnaik surat ini dan lampiran (surat LKIM) di ruangan *Announcement* epermit.dagangnet.com untuk rujukan pengguna.





**LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA**  
FISHERIES DEVELOPMENT AUTHORITY OF MALAYSIA  
Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti  
47120 PUCHONG  
MALAYSIA



LKIM

Tel: 603-8064 9000  
Faks (fax) : 603-8060 3546  
Laman Web(web) : <http://lkim.gov.my>

LKIM : L406/594/30  
10 Disember 2018

**Ketua Pengarah**



Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)  
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia  
Aras 7, Menara 4G1, Wisma Tani  
No.30, Persiaran Perdana, Presint 4,  
62624 Putrajaya

Tuan,

**PEMBERITAHUAN PELAKSANAAN SEKATAN EKSPORT BAGI SPESIS IKAN TERPILIH**

Adalah dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan perintah sekatan eksport bagi spesis ikan terpilih akan dilaksanakan bermula **1 Januari 2019 sehingga 28 Februari 2019** meliputi spesis ikan kembung, ikan selar, ikan pelaling, ikan bawal dan udang (tangkapan).


3. Ikan dalam bentuk basah/ segar dan sejuk beku (*frozen*) bagi spesis di atas adalah **tidak dibenarkan** untuk dieksport. Bersama-sama ini dilampirkan Notis Sekatan Eksport Bagi Beberapa Spesis Ikan Terpilih untuk makluman dan tindakan pihak tuan.

4. Sekian, segala perhatian dari pihak tuan didahului dengan ucapan terima kasih .

Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(JAMALUDIN BIN OTHMAN)  
Ketua Pengarah  
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia



ut: Pn. Sisk

14/12

In. Arman





## **NOTIS SEKATAN EKSPORT BAGI BEBERAPA SPESIS IKAN TERPILIH DARI 1 JANUARI 2019 SEHINGGA 28 FEBRUARI 2019**

---

1. Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia akan melaksanakan arahan sekatan bagi pengeksporan beberapa spesis ikan terpilih ke luar Negara.
2. Kaedah 5(3), Kaedah-Kaedah Pemasaran Ikan 2010, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, "Lembaga boleh menentukan kualiti, kuantiti dan jenis ikan yang hendak dieksport atau diimport".
3. Jika didapati mana-mana pengeksporn ikan yang mengeksport ikan yang tidak dibenarkan dalam tempoh tersebut, adalah menjadi satu kesalahan di bawah Kaedah-kaedah Pemasaran Ikan 2010 dan boleh dikenakan di bawah Seksyen 17(1) dan 17(2), Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 iaitu:-  
Seksyen 17(1) – Dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau didenda tidak melebihi lima belas ribu ringgit (RM15,000) atau kedua-duanya.  
Seksyen 17(2) – Didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit (RM25,000)
4. Spesis ikan terpilih yang dilarang bagi pengeksporan adalah seperti berikut:-
  - i. **Ikan Kembung**
  - ii. **Ikan Selar**
  - iii. **Ikan Pelaling**
  - iv. **Ikan Bawal**
  - v. **Udang (Tangkapan)**
5. Spesis ikan segar/basah dan sejuk beku (*frozen*) adalah tidak dibenarkan di eksport dalam tempoh sekatan.

Dengan Perintah,

  
.....  
**KETUA PENGARAH**  
**LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA**